

KES LANUN TAWAN MT ORKIM HARMONY

# Lega lihat dua kapal TLDM

» Kumpulan dikhuatiri bertindak luar kawalan

Oleh Syafiq Aznan  
bhshahalam@bh.com.my

► Pelabuhan Klang

**K**ehadiran dua kapal milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) ketika misi mencari kapal tangki *MT Orkim Harmony* yang dirampas lanun dua minggu lalu, sebenarnya turut membimbangkan kapten dan kru berkenaan.

Menceritakan detik itu, Kapten Nor Fazly Sahat, 39, mengakui ketika menarik nafas lega, beliau tetap bimbang sekiranya lanun yang berada di atas *MT Orkim Harmony* berasa terancam dengan kehadiran kapal penyelamat.

"Saya gembira TLDM berjaya menemui kami, namun khuatir melihat tindak-tanduk lanun yang seakan-akan gelisah dengan kehadiran kapal terbabit.

"Malah, ketika itu, saya berada di sisi seorang lanun, jadi ancaman itu masih ada dan risikonya tinggi.

"Anak kapal juga terdedah kepada serangan lanun dan bimbang mereka bertindak luar kawalan bagi menyelamatkan diri," katanya ketika ditemui pada Sambutan Hari Pelaut 2015 di Wisma Pelaut, Pelabuhan Klang, di sini se-



Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia, Datuk Dr Ismail Bakar (tiga dari kiri) menyerahkan Anugerah Khas kepada Nor Fazly pada Sambutan Hari Pelaut 2015 di Pelabuhan Klang, semalam.

[FOTO OSMAN ADNAN/BH]

malam.

Nor Fazly berkata, pada masa itu, beliau hanya terfikir nyawanya dan anak kapal lain serta kesudahan rundingan di antara anggota keselamatan dengan lanun terbabit sebelum lega beliau bersama 21 anak kapal dibebaskan dengan selamat dan semua lanun sudah ditangkap pihak berkuasa.

## Pengalaman pertama

"Ini pengalaman pertama saya berdepan kejadian mengancam nyawa selepas empat tahun bergelar kapten. Selama ini, hanya dengar cerita

“  
Saya gembira TLDM berjaya menemui kami, namun khuatir melihat tindak-tanduk lanun yang seakan-akan gelisah dengan kehadiran kapal terbabit”

Nor Fazly Sahat,  
Kapten MT Orkim  
Harmony

orang lain.

Bagaimanapun, insiden ini tidak pernah melemahkan semangat saya sebagai pelaut kerana saya sedar inilah risiko yang perlu dihadapi," katanya.

Pada 11 Jun lalu, Kapal *MT Orkim Harmony* yang membawa 6,000 tan petrol RON95 bernilai RM21 juta, dilarikan lapan perampas warga Indonesia pada jam 8.57 malam ketika dalam perjalanan dari Melaka ke Pelabuhan Kuantan.

Semua anak kapal berada dalam tawanan lanun selama lapan hari sebelum dibebaskan Jumaat lalu.